


KEBUDAYAAN

1. Tarian Saba




Tarian ini pada suatu masa dahulunya adalah merupakan sebuah tarian pemujaan namun pada hari ini hanya ditarikan hanya semata-mata untuk tujuan kesenian dan sebagai salah satu persembahan hiburan sahaja.

Tarian ini adalah kombinasi gabungan nyanyian, tarian dan muzik.

Alat-alat muzik tradisional seperti anak ambang (buluh), anak cerating, rebana dan seruling digunakan membentuk sebuah orkestra sementara lagu-lagu yang dinyanyikan pula adalah di dalam bentuk nada dan irama kontemporari.

KEBUDAYAAN

2. Tarian Piring



Berasal dari Sumatera Barat dan merupakan salah satu seni tarian yang masih diamalkan penduduk di sesetengah negeri dalam Malaysia.

Memiliki gerakan yang menyerupai gerakan petani semasa bercucuk tanam, membuat kerja menuai dan sebagainya. Tarian ini juga melambangkan rasa gembira dan bersyukur dengan hasil tanaman mereka.

Di Malaysia, tarian piring dipersembahkan ketika program kebudayaan serta majlis perkahwinan terutama bagi keluarga bangsawan dan hartawan di sesebuah kampung.